

SUDUT PANDANG SUBSEKTOR TANAMAN AGROMAKANAN NEGARA

JABATAN PERTANIAN

DASAR AGROMAKANAN NEGARA 2021-2030 (DAN 2.0)

Sektor pertanian di Malaysia telah mengalami transformasi yang signifikan seiring dengan perkembangan teknologi dan revolusi industri. Perkembangan sektor ini telah menjana pertumbuhan ekonomi, sosial dan alam sekitar ke arah memperkasakan sektor agromakanan.

Industri tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan telah berkembang dan menunjukkan peningkatan pengeluaran yang signifikan dengan kadar pertumbuhan purata tahunan masing-masing sebanyak 2.2 peratus dan 1.6 peratus bagi tempoh 2012 hingga 2022. Peralihan ekonomi dunia kepada landskap yang lebih dinamik dan kompetitif khususnya ketika mengalami tekanan pandemik global dan pelbagai cabaran semasa telah memberi kesan kepada keseluruhan rantaian nilai agromakanan yang memerlukan negara untuk bergerak dengan lebih proaktif dan agresif dalam membangunkan sektor agromakanan negara.

Dasar Agromakanan Negara 2021 - 2030 (DAN 2.0) telah digubal dengan visi untuk membangunkan sektor agromakanan yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi dalam usaha bagi memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti makanan dan nutrisi. Visi ini telah diterjemahkan dalam pernyataan dasar dengan berpandukan tiga prinsip utama pembangunan mampan iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Isu kemampuan dan pengurangan sumber asli juga telah memberikan impak yang besar kepada alam sekitar dan kesan jangka masa panjang terhadap sektor agromakanan di peringkat global. Rentetan itu, bagi mendepani cabaran tersebut agar tidak menjelaskan rantaian nilai dan sekuriti makanan, pernyataan dasar DAN 2.0 yang dijajarkan adalah untuk menjadikan agromakanan sebagai suatu sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan.

HALA TUJU SUBSEKTOR TANAMAN AGROMAKANAN

Subsektor tanaman agromakanan merupakan komponen penting dalam pertanian di Malaysia yang memberikan sumbangan besar kepada ekonomi dan keterjaminan makanan negara. Selari dengan objektif DAN 2.0, Jabatan Pertanian telah memfokuskan kepada lima (5) elemen utama dalam pembangunan dan pengembangan projek pertanian iaitu penekanan kepada elemen keselamatan makanan, penerapan elemen teknologi berteraskan Revolusi Industri Keempat 4.0 (IR

4.0), pengeluaran bahan tanaman berkualiti,imbangan perdagangan serta pembangunan pertanian yang lestari dan mampan.

Dalam hal ini, Jabatan Pertanian telah menggariskan lima (5) pendekatan strategi iaitu pemberian insentif secara bersasar, pembangunan ladang contoh (*model farming*) pengukuhan kerjasama strategik bersama pemain industri dan penyedia teknologi, pemindahan teknologi melalui *participatory observation* serta pembangunan kapasiti tenaga mahir.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Jabatan Pertanian telah menetapkan hala tuju strategik bagi meningkatkan keterjaminan makanan negara di samping memperkuuhimbangan perdagangan hasil pertanian subsektor tanaman serta meningkatkan taraf hidup pengusaha agromakanan.

Dalam hal ini, inisiatif yang dilaksanakan meliputi peningkatan pengeluaran domestik bagi tanaman keutamaan yang belum mencapai kadar sara diri (SSR) 100.0 peratus. Antara fokus tanaman adalah seperti cili, halia, kobis, kelapa dan mangga. Manakala, inisiatif peningkatan pengeluaran bagi pasaran eksport tertumpu kepada tanaman yang telah mencapai SSR melebihi 100.0 peratus seperti durian, nangka, tembikai, betik, pisang, manggis, rambutan, nanas dan tomato.

Selari dengan peluasan pasaran eksport, Jabatan Pertanian giat mempromosikan produk keluaran pertanian ini ke luar negara. Usaha berterusan ini terbukti dengan persetujuan yang dimeterai bersama Negara China bagi laluan pasaran nangka dan durian segar. Jabatan Pertanian juga masih dalam rundingan bagi memuktamadkan pengeksportan manggis ke Australia dan Republik Korea.

Sambutan hebat terhadap durian Malaysia yang mempunyai keistimewaan dari segi tekstur, rasa yang manis, beraroma serta berada di kelasnya yang tersendiri (*niche market*) telah memberi impak kepada peningkatan nilai eksport durian saban tahun. Dalam tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2019 sehingga 2023, jumlah nilai eksport durian ke luar negara telah berkembang sebanyak 254 peratus atau peningkatan sebanyak RM1.09 bilion. Pada tahun 2023, eksport durian Malaysia ke seluruh dunia mencatatkan nilai sebanyak RM1.51 bilion. Secara keseluruhannya, durian merupakan penyumbang utama (62 peratus) kepada nilai eksport buah-buahan negara pada tahun 2023 daripada keseluruhan nilai eksport buah-buahan yang bernilai RM2.43 bilion. Nilai eksport durian juga diunjurkan akan terus meningkat kepada RM1.80 bilion pada tahun 2030.

PENCAPAIAN KOMODITI UTAMA SUBSEKTOR TANAMAN

Komoditi Padi:

Pengeluaran padi telah menunjukkan trend penurunan dengan pengurangan purata hasil daripada 3,797 kg/hektar pada tahun 2012 kepada 3,577 kg/hektar pada tahun 2022. Keluasan tanah penanaman padi juga telah menurun daripada 684,545 hektar kepada 637,935 hektar dalam tempoh yang sama.

Penurunan purata hasil padi dan pengurangan keluasan tanah penanaman padi telah memberi impak kepada SSR beras yang menunjukkan trend penurunan daripada 63.0 peratus pada tahun 2012 kepada 62.6 peratus pada tahun 2022. Justeru, bagi menampung keperluan beras tempatan, Malaysia bergantung kepada sumber import. Jumlah import beras, meningkat daripada 657.8 ribu tan metrik pada tahun 2012 kepada 1,112.50 ribu tan metrik pada tahun 2022.

Dalam meningkatkan pengeluaran beras negara, industri padi menghadapi pelbagai cabaran seperti perubahan iklim, serangan perosak dan penyakit tanaman, kekurangan tanah pertanian akibat urbanisasi, kekurangan tenaga kerja serta kos pengeluaran yang tinggi. Cabaran ini dapat diatasi dengan sokongan berterusan daripada Kerajaan antaranya melalui program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) bagi menggalakkan penggunaan teknologi moden dan berskala komersial. Selain itu, *rice check* juga terus diperkasakan penggunaannya bagi memastikan pengurusan tanaman padi dibuat secara efektif. Dengan adanya usaha berterusan dan inisiatif berdasarkan teknologi, diharapkan industri padi Malaysia dapat mencapai tahap pengeluaran yang lebih tinggi dan mampan, seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada import dan memastikan keselamatan makanan dalam jangka masa panjang.

Komoditi Sayur-sayuran:

Industri sayur-sayuran di Malaysia menunjukkan perkembangan yang positif daripada tahun 2012 hingga 2022. Pengeluaran sayur-sayuran meningkat secara sederhana dengan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) 1.3 peratus, mencapai 1,366,604.7 tan metrik pada tahun 2022. Penggunaan sayur-sayuran dalam negara juga meningkat dengan CAGR 2.1 peratus yang mana ia menunjukkan permintaan yang konsisten terhadap sayur-sayuran tempatan. Walaupun produktiviti sedikit menurun, dengan CAGR 0.7 peratus, jumlah penggunaan bagi sayur-sayuran terus meningkat dari 1,334,291.2 tan metrik pada tahun 2012 kepada 1,677,068.5 tan metrik pada tahun 2022.

Dalam aspek perdagangan luar negeri, terdapat peningkatan ketara bagi tempoh 2012 hingga 2022 untuk kuantiti import sayur-sayuran tempatan dengan CAGR 5.1 peratus dan import sayur-sayuran beriklim sederhana meningkat dengan CAGR 3.0 peratus.

Selain itu, eksport sayur-sayuran tempatan dan beriklim sederhana masing-masing turut meningkat dengan CAGR 3.3 peratus dan 3.2 peratus. Peningkatan dalam perdagangan import dan eksport ini mencerminkan permintaan dan penawaran yang lebih besar bagi pasaran antarabangsa dan domestik.

Pencapaian SSR untuk sayur-sayuran tempatan dan beriklim sederhana menunjukkan penurunan bagi tempoh 2012 hingga 2022 yang disebabkan oleh peningkatan import. SSR sayur-sayuran mencatatkan penurunan daripada 51.3 peratus kepada kepada 45.4 peratus. Pertumbuhan nilai import dan eksport serta pengeluaran domestik, menunjukkan potensi industri sayur-sayuran di Malaysia berkembang, walaupun menghadapi pelbagai cabaran seperti perubahan iklim, isu tenaga buruh dan kos pengeluaran yang semakin meningkat.

Komoditi Buah-buahan:

Industri buah-buahan di Malaysia telah menyaksikan pertumbuhan yang memberangsangkan sepanjang tempoh 2012 hingga 2022. Pengeluaran buah-buahan telah mencatatkan peningkatan pada sebanyak 1.57 peratus dengan nilai pengeluaran tertinggi dicatatkan pada tahun 2022 iaitu 1,827,992 tan metrik. Permintaan terhadap buah-buahan tempatan dan beriklim sederhana menunjukkan peningkatan yang dicerminkan masing-masing melalui peningkatan import dengan nilai 2.9 peratus dan 1.9 peratus.

Pertumbuhan eksport buah-buahan tempatan dan beriklim sederhana menunjukkan peningkatan CAGR masing-masing sebanyak 0.17 dan 4.41 peratus dalam tempoh 2012 hingga 2022.

Secara keseluruhannya, SSR bagi buah-buahan menunjukkan sedikit penurunan daripada 79.2 peratus pada tahun 2012 kepada 77.1 peratus pada tahun 2022. Ini menunjukkan permintaan terhadap buah-buahan import masih tinggi dalam memenuhi keperluan domestik.

BANCI PERTANIAN 2024 PEMANGKIN TRANSFORMASI SUBSEKTOR TANAMAN

Banci Pertanian 2024 dilaksanakan bagi mendapatkan struktur dan ciri sektor pertanian yang holistik, komprehensif, relevan dan bertepatan masa yang meliputi subsektor tanaman, ternakan, perikanan dan perhutanan serta pembalakan bagi pegangan pertanian (pertubuhan perniagaan, institusi dan isi rumah). Dalam subsektor tanaman, maklumat yang komprehensif mengenai jenis tanaman, kaedah penanaman, penggunaan teknologi dan maklumat hasil pengeluaran menjadi asas penting untuk perancangan, pelaksanaan, dan pemantauan dasar pertanian yang lebih berkesan.

Bagi subsektor tanaman, skop Banci Pertanian 2024 akan meliputi 73 pengelasan aktiviti tanaman yang terdiri daripada aktiviti tanaman sayuran, buah-buahan, tanaman kontan, tanaman industri dan florikultur. Dianggarkan sebanyak 1.6 juta pegangan pertanian di kalangan pemegang taruh dan pemain industri akan terlibat dalam Banci Pertanian pada kali ini yang akan membantu kerajaan mengumpul data yang berkualiti dan komprehensif untuk pembangunan subsektor tanaman yang lebih inklusif dan kompetitif.

Dapatan Banci Pertanian 2024 akan memperkasa petani melalui amalan pertanian terbaik, peluang pasaran, dan sokongan yang tersedia bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing. Ini sekali gus membolehkan pengurusan tanah yang lebih efisien, pengurusan air yang efektif dan peluasan penggunaan teknologi pertanian moden.

RUMUSAN

Pencapaian subsektor tanaman agromakanan menunjukkan peningkatan yang positif dengan sokongan pelbagai inisiatif berpandukan DAN 2.0. Subsektor ini berada pada landasan yang kukuh untuk terus menyumbang kepada keterjaminan makanan negara. Dalam hal ini, subsektor tanaman perlu bersedia menghadapi pelbagai cabaran di peringkat global supaya dapat mengoptimumkan produktiviti dengan sumber tanah yang terhad, meningkatkan pendapatan pengusaha dan seterusnya memastikan sumber bekalan makanan negara terjamin.